

Najib belum lagi bersalah, tak perlu berehat, kata Khairy
The Malaysian Insider
July 6, 2015
Oleh Hasbullah Awang Chik

Tiada keperluan bagi Datuk Seri Najib Razak untuk berehat daripada menjalankan tugas sebagai seorang perdana menteri kerana belum ada apa-apa pertuduhan dijatuhkan kepada Najib, kata Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Ketua pemuda Umno itu berkata senario berbeza yang pernah dialami pemimpin parti itu sebelum ini apabila kes mereka dituduh di mahkamah dan mereka perlu direhatkan bagi memudahkan urusan perbicaraan.

"Beliau (Najib) masih lagi tidak terbukti melakukan apa-apa kesalahan. Perkara tersebut tidak timbul beliau perlu rehat atau pun tidak.

"Sebab dalam kes sebelum ini apabila ahli politik dituduh di mahkamah, kita minta mereka rehat. Pernah berlaku kepada menteri besar dan ketua menteri," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu acara berbuka puasa Pemuda Barisan Nasional di sebuah hotel di Kuala Lumpur petang ini.

Ditanya keperluan sama ada Najib perlu membuat pengakuan tidak memiliki akaun Ambank bagi membersihkan nama perdana menteri daripada tuduhan The Wall Street Journal, Khairy berkata tidak perlu ke tahap itu.

"Saya percaya dan yakin siasatan sedang dijalankan dan satu pasukan khas sudah ditubuhkan melibatkan Bank Negara.

"Tak perlulah kita mendahului siasatan tersebut," katanya.

Menteri belia dan sukan itu turut diminta mengulas kenyataan peguam negara yang sedang meneliti dokumen yang didakwa disalurkan ke akaun Najib.

Katanya, semua pihak tidak perlu mengambil sikap pra matang kerana kenyataan peguam negara itu jelas satu siasatan menyeluruh sedang dijalankan.

"Beliau (peguam negara) hanya kata melihat dokumen tertentu dan beliau tidak kata kandungan maklumat itu.

"Jangan pramatang dalam membuat sebarang kesimpulan. Tunggulah hasil siasatan jawatankuasa yang ditubuhkan.

"Saya percaya apabila siasatan lengkap, jawatankuasa tersebut akan mengumumkan hasil keputusan," katanya. – 6 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-belum-lagi-bersalah-tak-perlu-berehat-kata-khairy>